



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

7 DISEMBER 2021 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAK PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

7 DISEMBER 2021 (SELASA)

Pengadu roti canai RM4 belum tampil

POKOK SENJA: Pengadu yang mendakwa peniaga menjual sekeping roti canai kosong berharga RM4 di sebuah gerai di Langkawi, belum tampil membuat aduan rasmi di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) Kedah.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kedah, Mohd. Shahrin Mohd. Arshad berkata, pihaknya juga sudah menghantar anggota ke lokasi seperti mana dalam dakwaan yang berlaku di Kuah, namun, gagal mengesan gerai berkenaan.

Selain itu, katanya, mereka turut mengambil keterangan daripada Persatuan Pengguna Kedah untuk mengesan premis berkenaan sebelum ini.

“Siasatan awal mendapati, aduan ini hanya diambil daripada cakap-cakap orang dan tiada bukti ditemukan seperti resit atau lokasi sebenar premis.

“Kita sudah menyeru agar pengadu ini tampil membuat aduan secara rasmi bagi membolehkan siasatan dan tindakan lanjut diambil, namun, sehingga kini tiada sesiapa yang muncul,”

katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mengulas lanjut, kata beliau, pihaknya memandang serius aduan kenaikan harga barang dan makanan yang tidak munasabah seperti itu yang dikhuatiri membebankan rakyat.

“Seperti kes hidangan sekor ikan siakap yang dijual lebih RM1,000 sebelum ini, kita ke Rawang, Selangor untuk mengambil keterangan pengadunya untuk membuka kertas siasatan, jalankan pemeriksaan dan akhirnya kes tersebut diselesaikan,” ujarnya.



DAKWAAN roti canai mahal di Langkawi dianggap cakap-cakap orang selagi pengadu tidak membuat aduan rasmi. – GAMBAR HIASAN

Tiada aduan rasmi roti canai RM4 di Langkawi

ALOR SETAR – Pengadu yang mendakwa peniaga menjual sekeping roti canai kosong berharga RM4 di sebuah gerai di Pulau Langkawi masih belum tampil membuat aduan rasmi di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kedah, Mohd. Shahrhan Mohd. Arshad berkata, pihaknya telah menghantar anggota ke lokasi yang didakwa terletak di Kuah, namun gagal mengesan gerai tersebut.

Katanya, mereka turut mengambil keterangan daripada Persatuan Pengguna Kedah (Cake) untuk mengesan premis berkenaan sebelum ini.

"Daripada siasatan awal mendapati aduan ini hanya diambil daripada *hear and say* iaitu cakap-cakap orang dan tiada bukti ditemui seperti resit atau lokasi sebenar premis.

"Kita juga sudah menyeru agar pengadu ini tampil membuat aduan secara rasmi bagi membolehkan siasatan dan tindakan lanjut diambil, na-

mun sehingga kini tiada sesiapa yang muncul," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut kata beliau, pihaknya memandang serius aduan kenaikan harga barang dan makanan yang tidak munasabah seperti itu yang dikhuatiri membebbankan rakyat.

"Seperti kes hidangan sekor ikan siakap yang dijual lebih RM1,000 sebelum ini, kita ke Rawang, Selangor untuk mengambil keterangan pengadu untuk tindakan lanjut termasuk membuka kertas siasatan dan jalani pemeriksaan.

"Kita berharap semua pihak mengambil tanggungjawab agar tidak memviralkan sesuatu yang tidak pasti dan tidak mempunyai bukti kukuh agar tidak mencetuskan panik dalam kalangan pengguna," katanya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan Cake menerima aduan daripada pelancong yang mendakwa sebuah gerai roti canai di tepi jalan di Langkawi mengenakan caj RM4 bagi sekeping roti canai biasa.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.30	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM8.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM7.99	• Bawang Besar Holland	RM2.50	• Kubis Bulat Tempatan	RM4.99
• Daging Lembu Import	RM15.50	• Minyak Masak	RM6.40	• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN-EP